

KERTAS KERJA

LATIHAN KECEKAPAN TENAGA BANGUNAN RENDAH KARBON DAN ASAS PENGURUSAN TENAGA SERTA KECEKAPAN TENAGA KEPADA PENGURUSAN DAN TEKNIKAL MAJLIS PERBANDARAN SEPANG (MP SEPANG)

1.0 TUJUAN

Kertas kerja ini adalah bertujuan untuk memaklumkan dan mendapatkan pertimbangan Jawatankuasa Mesyuarat Local Agenda 21 dan Pembangunan Mampan bil.1/2018 bagi Latihan Kecekapan Tenaga Bangunan Rendah Karbon dan Asas Pengurusan Tenaga Serta Kecekapan Tenaga Kepada Pengurusan dan Teknikal Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Cadangan latihan ini adalah berdasarkan susulan dari kertas cadangan kerjasama yang telah dibentang dan dipersetujui di Jawatankuasa yang sama sebelum ini;
- 2.2 SEDA Malaysia sejak 2013 telah melaksanakan sesi latihan kesedaran dan teknikal berkaitan bangunan rendah karbon, kecekapan dan pengurusan tenaga;
- 2.3 SEDA Malaysia dan MPSepang adalah merupakan rakan strategik dan merupakan organisasi yang giat terlibat dalam pembangunan dan penglibatan MP Sepang dalam usaha ke arah bandar *smart* rendah karbon, pengurusan dan kecekapan tenaga;
- 2.4 SEDA Malaysia mencadangkan latihan asas yang merangkumi ilmu seperti berikut:
 - 2.4.1 rasional pembangunan rendah karbon di Malaysia (hala tuju global dan Malaysia);

- 2.4.2 teknologi hijau dan rendah karbon;
- 2.4.3 peranan tenaga lestari terutamanya pengurusan tenaga dan kecekapan tenaga dalam membantu pengurangan Karbon yang strategik dan boleh laksana (*viable*) di sektor bangunan;
- 2.4.4 inventori pelepasan karbon dan *common carbon metrix* (CCM) bagi sektor bangunan, untuk membantu PBT menetapkan sasaran dan pelaksanaan dan memantau pengurangan karbon;
- 2.4.5 MS1525 - Code of Practice Use of Energy Efficiency and Renewable Energy for Non-Residential: Bagaimana MS1525 membantu PBT mengurangkan Karbon dan peruntukan di bawah UBBL;
- 2.4.6 Pengurusan dan kecekapan tenaga di bangunan;
- 2.4.7 *Case study*: Contoh – contoh praktikal bangunan cekap tenaga sedia ada (bangunan rekabentuk baru, bangunan di audit tenaga dan *retrofit*, pejabat separa bangunan dan *residential*);
- 2.4.8 Perbezaan antara bangunan hijau konvensional dan bangunan rendah karbon; dan
- 2.4.9 *Sustainable building rating tools* yang ada di Malaysia (lebih dari 8 keseluruhannya).

3.0 **ASAS PERTIMBANGAN**

- 3.1 Tujuan dan rasional utama sesi latihan ini adalah untuk memberikan dan meningkatkan pengetahuan mengenai pembangunan rendah karbon, pengurusan dan kecekapan tenaga kepada pegawai di peringkat pengurusan dan unit teknikal, staf MP Sepang secara amnya, antara pengetahuan yang akan diperolehi peserta adalah seperti berikut:

- i. meningkatkan tahap pemahaman dan kesedaran peserta mengenai latihan seperti di atas;
 - ii. melengkapkan peserta dengan ilmu pengurusan dan kecekapan tenaga berdasarkan piawaian pengurusan tenaga;
 - iii. menerangkan dan berkongsi senario penggunaan tenaga terkini, arah tuju Kerajaan dalam hal-hal pengurusan dan kecekapan tenaga serta dari segi pelepasan karbon; dan
 - iv. membantu peserta daripada MP Sepang dengan ilmu berkaitan untuk mengenalpasti inisiatif – inisiatif penjimatan tenaga tanpa kos dan dengan kos rendah supaya ianya dapat dipraktikan di orgnisasi masing – masing.
- 3.2 Menyokong aspirasi Kerajaan dalam proses pengalakkan inisiatif pembangunan inisiatif hijau, rendah karbon dan tenaga lestari secara tidak langsung membantu Malaysia mencapai sasaran pengurangan karbon pada tahun 2020;
- 3.3 Memberikan platform bagi staf MP Sepang untuk meningkatkan serta mempraktikan pengetahuan dalam bidang berkaitan inisiatif hijau dan inisiatif rendah karbon.
- 3.4 Cadangan Latihan / Training adalah selama tiga (3) hari iaitu pada **11 hingga 13 Oktober 2018**.

4.0 SYOR

Ahli Jawatankuasa yang bersidang di pohon untuk mempertimbangkan cadangan untuk melaksanakan Latihan Kecekapan Tenaga Bangunan Rendah Karbon dan Asas Pengurusan Tenaga Serta Kecekapan Tenaga Kepada Pengurusan dan Teknikal Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang).